

MAHATHIR

KELANG, 3 DIS. (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD BERKATA MASYARAKAT PERLU MENGUBAH SIKAP DAN PANDANGAN MEREKA TERHADAP ORANG-ORANG CACAT DAN MENERIMA KEBOLEHAN MEREKA SETARAF DENGAN KEBOLEHAN DIRI SENDIRI.

KATANYA, SELAGI MASYARAKAT SENTIASA BERUSAHA MENINGATKAN ORANG-ORANG CACAT AKAN NASIB BURUK MEREKA SEPANJANG MASA, SELAGI ITULAH ORANG-ORANG CACAT ITU SENDIRI AKAN MERASAKAN MEREKA TIDAK MEMPUNYAI KEBOLEHAN WALAUPUN KEBOLEHAN ADA PADA MEREKA.

KETIKA BERUCAP PADA MAJLIS JAMUAN TEH ANJURAN KEMENTERIAN KEBAJIKAN MASYARAKAT DI BENGKEL DAYA DI SINI PETANG INI, PERDANA MENTERI BERKATA SETIAP MANUSIA YANG TIDAK CACAT ANGGOTA HARUS SEDAR BAHAWA MEREKA JUGA MEMPUNYAI KECACATAN TERSENDIRI.

ANTARA KECACATAN ITU, MENURUT DATUK SERI DR. MAHATHIR IALAH SEPERTI KURANG PANDAI, TIDAK CANTIK, TIDAK AMANAH, TIDAK BERDEDIKASI, BERSIFAT JENAYAH DAN MALAS.

JIKA MEREKA SEDAR AKAN KECACATAN DIRI SENDIRI, BELIAU PERCAYA MEREKA AKAN LEBIH MEMAHAMI AKAN KESUSAHAN YANG DIALAMI OLEH ORANG-ORANG CACAT ANGGOTA SEPANJANG MASA, DAN DENGAN ITU LEBIH BERSIMPATI DAN BERTIMBANGRASA TERHADAP GOLONGAN YANG KURANG BERNASIB BAIK ITU. -- LAGI
2119MST 03 12 85

D524

U B939 DEB

MAHATHIR 2 KELANG

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA PERSEMBAHAN NYANYIAN DAN TARIAN OLEH ORANG-ORANG CACAT SEMPENA LAWATANNYA KE BENGKEL ITU MENUNJUKKAN MEREKA JUGA BERKEBOLEHAN YANG SAMA DENGAN MASYARAKAT LAIN.

MENTERI KEBAJIKAN MASYARAKAT, DATUK HAJI ABU HASSAN OMAR PULA BERKATA MINGGU KEBAJIKAN MASYARAKAT YANG DIADAKAN BARU-BARU INI TELAH MENCAPAI MATLAMATNYA TERMASUK MEMPERTINGKATKAN IMEJ KERJA KEMASYARAKATAN KAKITANGAN KEMENTERIAN DAN PEKERJA SUKARELA.

KATANYA, SEMUA AKTIVITI SEPANJANG MINGGU ITU DIBIYAI SEPENUHNYA OLEH DERMA ORANG RAMAI DAN INI MEMBUKTIKAN MASYARAKAT DI NEGARA INI MEMPUNYAI KESANGGUPAN DAN KEMAMPUAN UNTUK BERSAMA-SAMA DENGAN KERAJAAN MENGENDALIKAN HAL EHWAL KEBAJIKAN RAKYAT.

BELIAU JUGA BERKATA 305 ORANG TELAH MENDAFTAR SEBAGAI PEKERJA SUKARELA, MANAKALA 1,040 ORANG CACAT DIDAFTARKAN SEHINGGA AKHIR BULAN LALU.

PERDANA MENTERI YANG DIIRINGI OLEH ISTERINYA, DATUK SERI DATIN PADUKA DR. SITI HASMAH ALI, MENTERI BESAR SELANGOR, DATUK HAJI AHMAD RAZALI ALI DAN DATUK HAJI ABU HASSAN TELAH MELAWAT DAN MENYAKSIKAN KERJA-KERJA YANG DIJALANKAN DI BENGKEL ITU SEPERTI MEMBUAT ANGGOTA PALSU.

PARA PESERTA CACAT YANG MENGAMBIL BAHAGIAN DALAM KONSERT MINGGU KEBAJIKAN MASYARAKAT DI AUDITORIUM RTM BARU-BARU INI TELAH MEMPERSEMBAHKAN NYANYIAN, TARIAN, LAWAK JENAKA DAN PERMAINAN KUGIRAN.